

## 'Tidak setuju boikot produk bukan Islam'

**SEREMBAN** - Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Datuk Dr Ameer Ali Mydin tidak bersetuju dengan gesaan pihak tertentu supaya memboikot produk keluaran syarikat bukan Islam di Malaysia.

Menurutnya, budaya berkenaan tidak sihat untuk negara Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang kaum.

"Walaupun saranan itu mungkin dapat menguntungkan perniagaan pasar raya Mydin yang majoriti pelanggannya beragama Islam, tapi saya tidak setuju kerana ia bersifat perkauman."

"Bagi saya paling penting, kita beli produk buatan Malaysia. Kalau ada barangan keluaran syarikat Cina atau India di Malaysia yang mendapat sijil halal sah, apa salahnya untuk kita beli," katanya.

Beliau berpendapat, isu boikot timbul disebabkan

permainan politik oleh sesetengah pihak yang langsung tidak membantu pembangunan negara.

"Boikot tidak akan membantu. Cerita boikot ini adalah permainan politik. Kita warganegara biasa Malaysia, nak kerja dan makan makanan yang halal. Bellah dengan sesiapa asalkan halal dan harga berpatutan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Mydin 62 Tahun: Utuh Bersama Malaysia di Seremban 2 di sini semalam.

Hadir sama, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sembilan, Ain Arjuna Aziz Zaman.

Isu memboikot produk bukan Islam sengaja ditularkan dalam media sosial oleh sesetengah pihak apabila timbul pelbagai isu perkauman sejak kebelakangan ini.



Ameer Ali (tengah) dan Ain Arjuna pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran ulang tahun Mydin ke-62 di Seremban semalam.